



LEMBAGA GETAH MALAYSIA **KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF)** di bawah yang masih dibenarkan membuat sebutbarga bagi bekalan berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
LGM/SH/ SPKT/20/ 2019	PAJAKAN KAWASAN POKOK GETAH TUA F3, F4, F12, F13, F14, F15 DAN F16 SELUAS 148 HEKTAR DI BAHAGIAN PERMATANG, STESEN PENYELIDIKAN RRIM KOTA TINGGI, JOHOR.	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kod Bidang : 221104 ATAU 222104	Tarikh : 01 April 2019 Taklimat : 12:00 Tengahari Masa : Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi, Batu 3 ½, Jalan Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor Tarikh Jualan : 01 (selepas taklimat)-10 April 2019 Masa : 9.00 Pagi – 4.30 Petang Tempat : Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi, Batu 3 ½, Jalan Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor
Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN			

Hanya penama yang tercatat di dalam sijil-sijil asal MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat atau lawatan tapak. Syarikat-syarikat tidak boleh mewakilkan kakitangan selain dari penama yang tercatat pada sijil. Syarikat-syarikat diwajibkan membawa bersama sijil pendaftaran MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) (asal/salinan yang diperakui sah) dan salinan sijil pendaftaran SST (jika berdaftar) semasa taklimat atau lawatan tapak.

Dokumen sebutbarga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai tarikh (selepas hadir lawatan tapak). Dokumen sebutbarga boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebutbarga dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutbarga yang ditetapkan **sebelum atau pada 15 April 2019 jam 12.00 tengahari.**

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

(Peti No.1 & 2)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutbarga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab sebutbarga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutbarga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.